



MENTERI SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA SAMBUT BAIK PELAKSANAAN KADAR GAJI MINIMUM BAHARU

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menyambut baik pengumuman pelaksanaan gaji minimum baharu untuk tahun 2022 pada kadar RM1,500 sebulan mulai 1 Mei 2022 seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri. Ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Mac 2022.
2. Pengumuman ini jelas seiring dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pendapatan serta kesejahteraan pekerja. Langkah ini juga dijangka memberi sumbangan positif dalam merangsang ekonomi negara melalui peningkatan kuasa beli pekerja.
3. Oleh hal yang demikian, perincian mengenai mekanisme serta pelaksanaan kadar gaji minimum baharu ini akan diumumkan oleh Kementerian Sumber Manusia kelak.

DATUK SERI M.SARAVANAN
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
20 MAC 2022